



## MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI

### KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor **Bumiputera** yang berdaftar dengan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM / CIDB)** dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut :-

BIL	PROJEK	SYARAT PENDAFTARAN / KOD BIDANG	TEMPAT BERKUMPUL	JAM	TARIKH LAWAT TAPAK
01/2021 (KEJ)	Kerja-Kerja Senggaraan dan Pembaikan Tahunan Lampu Jalan di Jalan Utama dan Taman-Taman Daerah Kuala Muda di <b>(Merbok, Bujang, Tanjung Dawai, Tikam Batu dan Kota Kuala Muda)</b> Sungai Petani, Kedah Darul Aman	CIDB  Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK)  Gred : G2 & G3  Pengkhususan E04, E06, E16, E17, E21	Ruang Legar Aras G, Menara MPSPK	10.00 pagi	13 Januari 2021
02/2021 (KEJ)	Kerja-Kerja Senggaraan dan Pembaikan Tahunan Lampu Jalan di Jalan Utama dan Taman-Taman Daerah Kuala Muda di <b>(Gurun, Padang Lembu, Jeniang dan Bukit Selambau)</b> Sungai Petani, Kedah Darul Aman	Sijil Perolehan Kerajaan (SPKK)  Kontraktor tempatan yang berdaftar di negeri Kedah			
03/2021 (KEJ)	Kerja-Kerja Senggaraan dan Pembaikan Tahunan Lampu Jalan di Jalan Utama dan Taman-Taman Daerah Kuala Muda di <b>(Zon A, B, C, D dan E)</b> Sungai Petani, Kedah Darul Aman	Geran Jentera (Sky Lift)			

04/2021 (KEJ)	Kerja-Kerja Senggaraan dan Pembaikan Tahunan Lampu Jalan di Jalan Utama dan Taman-Taman Daerah Kuala Muda di <b>(Sungai Lalang, Bedong dan Semeling)</b> Sungai Petani, Kedah Darul Aman				
------------------	--	--	--	--	--

Lawatan tapak adalah **diwajibkan**. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai sebut harga di atas hendaklah datang sendiri (**wakil tidak dibenarkan**) membawa bersama dokumen asal **Perakuan Pendaftaran Kontraktor** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang dikeluarkan oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM / CIDB)** serta **Sijil Taraf Bumiputera** yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK).

Harga Dokumen : **RM50.00 senaskhah (tunai)**

Dokumen tawaran ini boleh didapati dari Jabatan Perbendaharaan (Seksyen Perolehan) mulai **13 Januari 2021** pada hari dan waktu seperti berikut :-

Ahad – Rabu	:	8.15 pagi – 12.45 tengah hari
		2.15 petang – 4.45 petang
Khamis	:	8.15 pagi – 12.45 tengah hari
		2.15 petang – 3.15 petang

Kontraktor dikehendaki membawa dokumen asal **Perakuan Pendaftaran Kontraktor** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang dikeluarkan oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM / CIDB)** serta **Sijil Taraf Bumiputera** yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) serta **satu salinan** semasa membeli dokumen sebut harga.

Tarikh tutup sebut harga ialah pada **20 Januari 2021** jam **12.00 tengah hari**. Dokumen tawaran sebut harga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri / bermeteri nama tawaran dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga di alamat **Yang DiPertua, Majlis Perbandaran Sungai Petani, Menara MPSPK, Jalan Patani, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman**.

**Pihak kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali daripada mana-mana tawaran.**